

Teraju sasar cipta penguasaan pasaran RM10 bilion

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) berhasrat meningkatkan daya saing kira-kira 40 syarikat bumiputera dalam tempoh tiga tahun ini bagi mencipta penguasaan pasaran bernilai antara RM7 bilion hingga RM10 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh berkata, syarikat-syarikat bumiputera berkenaan sedang dimantapkan potensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia selain dilibatkan sama dalam program perolehan syarikat milik kerajaan (GLC).

Beliau memberitahu, Teraju juga menggalakkan penggabungan dan kerjasama dalam kalangan syarikat-syarikat bumiputera bagi meningkatkan lagi kepercayaan syarikat-syarikat terbabit serta menambah penguasaan pasaran.

“Sejak mengambil alih program

daripada Kementerian Kewangan, kita telah menyenaraikan sebanyak enam syarikat (di Bursa Malaysia) dan dua daripadanya telah mencapai penguasaan pasaran sebanyak RM1 bilion.

“Dalam perancangan, kita ada kira-kira 40 syarikat untuk disenaraikan dalam tempoh dua atau tahun ini dan kita ada sasaran yang diberikan iaitu perlu mencipta penguasaan pasaran sekurang-kurangnya RM7 bilion hingga RM10 bilion dalam masa beberapa tahun ini,” katanya dalam program taklimat media mengenai Laporan Pencapaian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera 2015 di sini hari ini.

Menurut Husni, Teraju giat memberi bantuan rundingan dan bimbingan terhadap syarikat-syarikat bumiputera, malah prestasi syarikat-syarikat berkenaan turut dipantau setiap bulan.

Sementara itu, berhubung

Laporan Pencapaian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera 2015, Husni berkata, antara pencapaian yang dibanggakan adalah penyediaan pembiayaan perniagaan berjumlah RM2.7 bilion menerusi Dana Teras yang melibatkan kerjasama SME Bank, Maybank Islamic, RHB Islamic Bank dan Malaysian Industrial Development Finance Bhd. (MIDF).

“Selain itu, semangat Teraju untuk terus memantapkan pelaburan swasta bumiputera dapat dilihat apabila Dana Mudah Cara yang berjumlah RM2 bilion menyaksikan 344 projek terlaksana dengan nilai pembangunan keseluruhan RM10.2 bilion.

“Sehingga kini, 310 syarikat bumiputera mendapat manfaat daripada Dana Mudah Cara dengan jumlah dana yang diluluskan sebanyak RM1.2 bilion,” katanya.